

**NO. SOALAN: 32**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : PUAN KASTHURIRAANI A/P PATTO  
[ BATU KAWAN ]**

**TARIKH : 16.3.2016 (RABU)**

**Puan Kasthuriraani a/p Patto [ Batu Kawan ] minta MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGGUNAAN menyatakan apakah puncanya peningkatan harga barang selepas implementasi GST walaupun telah diberi jaminan oleh KPDKKK serta apakah usaha Kerajaan untuk mengawal peningkatan harga barang terutama sekali makanan.**

## **JAWAPAN:**

**Tuan Yang Di-Pertua,**

Melalui analisis data harga yang dibuat oleh Kementerian, didapati trend harga barang di pasaran adalah stabil dan tidak menunjukkan perubahan yang ketara selepas pelaksanaan GST. Walau bagaimanapun mulai Julai 2015, trend harga menunjukkan peningkatan secara konsisten sehingga kini.

Seperti yang kita semua sedia maklum, pada masa tersebut Negara menghadapi beberapa cabaran ekonomi termasuk kesan kelembapan ekonomi global, kejatuhan nilai ringgit dan kejatuhan harga minyak dunia. Keadaan ini memberi kesan secara langsung kepada harga barang.

Walaupun harga minyak dunia mengalami penurunan, keadaan ekonomi global juga tidak begitu menggalakkan pada masa ini. Kelembapan ekonomi ini mengakibatkan kejatuhan nilai mata wang ringgit dan menyebabkan kos import meningkat. Seperti yang kita sedia maklum, negara kita merupakan negara yang bergantung kepada barang import untuk memenuhi permintaan tempatan. Antara barang yang kita import sepenuhnya ialah bawang merah, bawang putih, kacang dhal, cili kering kerinting tidak bertangkai dan susu bayi. Oleh yang demikian, kita tidak dapat mengelak kenaikan harga barang-barang tersebut.

Harga barang juga turut dipengaruhi oleh faktor luar jangka yang mengekang pengeluaran seperti faktor iklim, bencana alam dan serangan perosak tumbuh-tumbuhan. Keadaan ini kita dapat lihat melalui peningkatan harga bawang merah kecil pada penghujung tahun

2015 disebabkan oleh banjir besar yang melanda negara pengeluar iaitu India.

Pada masa yang sama, Kementerian juga tidak menolak kemungkinan terdapat peniaga-peniaga yang mengambil kesempatan menaikkan harga tanpa sebab yang munasabah. Bagi membendung kegiatan tersebut, Kementerian memperkasakan penguatkuasaan undang-undang melalui:

- (i) gerak gempur antipencatutan melalui **OPS CATUT** yang telah bermula pada **15 Januari 2015 hingga 24 Februari 2016**;
- (ii) mengambil tindakan di bawah **Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan 2011** ke atas mana-mana pihak yang didapati menaikkan harga yang tidak munasabah;
- (iii) mewajibkan peniaga runcit **meletakkan tanda harga** ke atas barang yang dipamerkan untuk jualan atau mempamerkan senarai harga di bawah **Perintah Kawalan Harga (Penandaan Harga oleh Penjual Runcit) 1993**; dan
- (iv) melaksanakan Skim Kawalan Harga Musim Perayaan (SKHMP) bagi Tahun Baru Cina, Hari Gawai, Pesta Kaamatan, Hari Raya Puasa, Deepavali dan Krismas.

Pada masa yang sama, Kementerian juga mengadakan sesi rundingan dengan industri-industri terlibat supaya tidak menaikkan harga produk keluaran atau barangan jualan mereka secara drastik.